



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 48/2023

PELIHARALAH AKIDAHMU

1 Disember 2023

Bersamaan

17 Jamadilawal 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا لِعِبَادَتِهِ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ،
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menjaga akidah kita, dan janganlah kita mati meninggalkan dunia ini kecuali dalam keadaan Islam dan beriman kepada Allah. Pada hari yang mulia ini, khutbah Jumaat akan menyentuh tajuk:

“PELIHARALAH AKIDAHMU”

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Akidah merupakan satu perkara yang amat berharga dalam diri manusia. Ia merupakan syarat utama bagi menentukan kedudukan seseorang di hari akhirat kelak. Orang yang mempunyai iman dalam hatinya pasti akan menjadi ahli syurga, walaupun mungkin diseksa terlebih dahulu dalam neraka kerana dosa-dosanya. Manakala orang yang kufur, dia akan kekal di dalam neraka selamanya. Justeru, iman adalah perkara yang teramat penting. Ia adalah sebab terselamat daripada kekal di dalam neraka.

Saudara Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Akidah yang boleh menyelamatkan seseorang daripada kecelakaan di hari akhirat kelak ialah akidah yang terbina di atas keyakinan yang teguh terhadap perkara-perkara keimanan yang berdasarkan dalil yang benar dan hujah yang yakin. Ini bermakna, keimanan itu hendaklah dibina atas asas dalil, bukannya taklid semata-mata agar keyakinan tersebut tidak goyah jika datang syubhat dan kekeliruan. Tidak memadai hanya sekadar ikutan dan taklid buta dalam perkara akidah, yang boleh tergugat apabila datangnya serangan pemikiran dan ideologi.

Umat Islam kini, diserang berkaitan akidah dari dalam dan luar. Serangan dari dalam adalah ancaman ajaran sesat yang menggunakan nama Islam dan dibawa oleh orang yang mengaku Islam. Manakala ancaman luar adalah serangan daripada musuh-musuh Islam yang tidak beriman dengan Allah dan Rasulullah SAW. Serangan-serangan ini pula datang dalam pelbagai bentuk, antaranya:

Pertama: Pembawaan ideologi-ideologi yang bertentangan dengan prinsip Islam seperti '*Liberalisme*' (fahaman kebebasan secara mutlak) , '*Pluralisme*' (fahaman yang mendakwa semua agama adalah sama) dan '*Ateisme*' (fahaman yang menolak kewujudan Tuhan).

Kedua: Syubhat dan kritikan yang disasarkan kepada prinsip akidah dan syariah seperti mempertikaikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, menganjurkan pegangan tidak bermazhab dan mencela para sahabat Rasulullah SAW.

Ketiga: Mempertikai, mengkritik kredibiliti, bahkan menyesatkan para ulama yang muktabar dalam kalangan umat Islam.

Semua cabaran dan serangan ini, perlu ditangani oleh setiap muslim dengan melengkapkan diri dengan akidah yang sahih. Caranya ialah dengan menghadiri pengajian khusus berkaitan akidah, berpandukan kitab yang muktabar dan bimbingan guru yang mahir.

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, merupakan akidah yang dibawa oleh Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda. Sabda Rasulullah SAW:

وَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً، قَالُوا : وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ : مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي .

Maksudnya: "Dan akan berpecah umatku kepada tujuh puluh tiga golongan, kesemuanya dalam neraka kecuali satu golongan sahaja. Para sahabat bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Jawab Baginda: (Mereka yang mengikut) apa yang dijalani oleh aku dan sahabatku".

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Dalam riwayat Abi Daud menyebut:

وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Maksudnya: "Hanya satu golongan di dalam syurga, iaitu Jamaah".

Persoalannya, bagaimanakah kita hendak mengenal ciri-ciri pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah? Kerana setiap kumpulan boleh mendakwa bahawa kumpulannya yang benar, dan kumpulan lain yang sesat. Jawabnya: ialah dengan berpandukan kitab-kitab yang muktabar. Antara kitab yang menjadi rujukan di dunia Islam ialah Qawa'id al-'Aqid, Akidah Nasafiah, Akidah Sanusiah, Jauharah Tauhid, Kharidah Bahiyyah dan Akidatul Awam. Di alam

Melayu kita, kitab-kitab yang dijadikan pengajaran dalam akidah antaranya Faridatul Faraid, Akidatun Najin dan Bakurah Amani. Dengan berpandukan kitab-kitab muktabar dan bimbingan guru yang mahir dalam akidah, kita dapat memahami ilmu akidah mengikut acuan yang ditetapkan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan Allah,

Berikut secara ringkas, ciri-ciri akidah dan iktikad yang dipegang oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah:

Pertama: Beriman bahawa Allah SWT Zat Yang Maha Esa, Qadim (tiada permulaan bagi wujud-Nya), Kekal selama-lamanya tidak binasa, tiada sekutu dan tiada tandingan-Nya.

Kedua: Beriktikad bahawa Maha Suci Allah S.W.T. daripada menyerupai dengan makhluk-Nya sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya dan juga perbuatan-Nya, serta Maha Suci Ia daripada segala makna kekurangan.

Ketiga: Meyakini bahawa Allah SWT Maha Berkuasa, Maha Berkehendak, Maha Mengetahui, Maha Hidup, Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha berkata-kata dan segala sifat kesempurnaan adalah milik-Nya.

Keempat: Beriktikad bahawa sebagaimana Allah SWT sahaja yang mencipta semua alam ini, hanya Allah SWT jua yang menciptakan segala perbuatan hamba. Hamba dikurniakan Allah memiliki usaha dan ikhtiar sahaja dalam perbuatan mereka.

Kelima: Beriman dengan Nabi Muhammad S.A.W. sebagai penutup para rasul, serta beriman dengan rasul-rasul sebelum baginda. Mereka bersifat dengan Siddiq, Amanah, Fathonah dan Tabligh, serta sifat-sifat manusia yang tidak mengurangkan darjat kerasulan mereka.

Keenam: Mempercayai segala yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. berkaitan malaikat, kitab-kitab, mukjizat, azab kubur, hari akhirat, syurga, neraka dan perkara-perkara berkaitan dengan kehidupan selepas mati.

Moga-moga sedikit perkongsian berkaitan akidah ini, dapat menyedarkan kita tentang kepentingan akidah. Hanya dengan akidah yang sahih dan berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja dapat menjamin kebahagiaan yang kekal di negeri akhirat. Maka, hadirkan diri kita dalam majlis ilmu dan datangi kelas-kelas pengajian akidah yang diajar oleh para ulama dan guru-guru yang mursyid. Semoga Allah memberi kepada kita iman dan akidah yang teguh, seterusnya dimatikan dalam iman. Amiin...

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ

إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu (juga mengakui dan menegaskan yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah Ali 'Imran: 18)

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ. فَاسْتَغْفِرُوهُ،

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Berbaktilah kepada Allah SWT dengan sepenuh hati. Manfaatkanlah peluang kehidupan ini dengan melakukan ketaatan untuk mendapat keredaan-Nya. Ketahuilah bahawa Allah telah menjadikan hari Jumaat sebagai penghulu segala hari yang dipenuhi dengan pelbagai kelebihan sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

”Sebaik-baik hari ialah hari Jumaat. Padanya dijadikan Nabi Adam. Padanya dimasukkan baginda ke syurga dan padanya juga dikeluarkan daripada syurga, dan tidak berlaku Kiamat melainkan pada hari Jumaat.”

(Hadis riwayat Muslim)

Maka bersempena dengan hari yang mulia ini, sayugialah kita umat Islam mengambil peluang melakukan amal kebaikan seperti berniat iktikaf ketika berada dalam masjid, mengambil pengajaran daripada kandungan khutbah Jumaat, berzikir serta menunaikan solat Jumaat dengan tertib dan khusyuk. Janganlah melakukan perkara yang boleh mengganggu jemaah lain sepanjang berada di masjid, kerana perbuatan tersebut dilarang dalam Islam.

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ
الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Anugerahkanlah pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menentang kekejaman rejim Zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami disana.

Ya Allah,

Tanah suci kami telah dihancurkan dan dimusnahkan oleh Zionis Yahudi laknatullah! Engkau hancurkanlah dan musnahkanlah pakatan mereka. Timpakan laknat dan siksaMu ke atas mereka. Jauhkanlah dan gagalkanlah segala usaha mereka dari menguasai bumi kaum muslimin di Palestin.

Ya Allah,

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.

